

Anwar: Ketua belia harus sedia ditegur

PONTIAN, Jumaat — Generasi muda akan datang akan menjadi semakin lemah jika pemimpin-pemimpin belia sekarang lebih bersikap suka mengingatkan golongan atasannya, tapi tidak mahu menerima nasihat mereka di bawahnya.

"Sikap cuma mahu menegur orang di atas, tapi tidak suka ditegur oleh orang di bawah, adalah ciri-ciri hidup yang tidak bertanggungjawab," kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim di sini, hari ini.

Menurut beliau, semakin banyak teguran semakin mudah jentera pembangunan digerakkan kerana ada antara cadangan golongan bawah diterima sebagai panduan.

Katanya, jika para pemimpin belia sekarang menganggap dingin pandangan atau syor ahli-ahli badan belia, ia bukan saja membataskan had kemajuan pembangunan belia zaman ini, malah

memudaratkan lagi generasi muda akan datang.

Encik Anwar berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) di sini, hari ini.

Bentuk

"Apakah pernah kita tanya diri kita apa yang telah kita laksanakan untuk kesejahteraan kaum belia?"

"Dan apakah kita selama ini tidak merasa malu dan hina apabila melihat generasi muda zaman ini dirasuk wabak dadah?" tanya beliau.

Beliau mengingatkan para pemimpin belia bahawa inti perjuangan mereka ialah menyempurnakan tanggungjawab mengisi kemerdekaan yang dicapai 26 tahun lalu.

Mengenal dasar belia kebangsaan, Encik Anwar berkata, "Dalam pengertian yang mudah, kita harus tanya diri kita, apakah bentuk belia kini

dan akan datang yang kita perlukan?"

"Segala yang baik itu-lah dasar kita dan selepas kita membuat ketentuannya, barulah dilaksanakan kejujukan dan gerakan pembangunan secara habis-habisan," katanya.

"Inilah dasar dan matlamat yang harus dipunyai oleh setiap majlis belia negeri selaku penyelaras kegiatan badan-badan gabungannya," ujar beliau.

Majlis Belia Negeri, tambahnya, harus dijadikan medan menyatukan persefahaman semua kaum dan dalam hubungan itu tidak perlu lagi dibahaskan isu-isu remeh seperti bahasa dan kebudayaan.

Menteri itu berkata, jika pemimpin-pemimpin belia semua kaum masih membahaskan isu-isu lama, ia akan menjadi ikutan, belia akan datang.

"Kita harus berani membahaskan isu-isu semasa yang ideal serta ada hubungan dengan pembangunan."